

# *HM terima anugerah Liputan Penyelidikan Tertinggi UPM*

**Serdang:** Harian Metro (HM) menerima anugerah Liputan Penyelidikan Tertinggi pada Majlis Promosi UPM Bersama Media 2025 di sini.

Anugerah berkenaan disampaikan Naib Canselor UPM, Datuk Prof Dr Ahmad Farhan Mohd Sadullah kepada Pengarang Berita Kanan HM, Sufian Thauri Muhammed yang mewakili akhbar ini.

Sementara itu, Ahmad Farhan berkata, majlis berkenaan bertujuan memperkuatkan hubungan strategik antara UPM dan pihak media sekali gus sebagai tanda penghargaan atas sokongan berterusan

dalam mengetengahkan pencapaian dan inisiatif universiti.

“Pentingnya peranan media dalam membantu UPM menyampaikan agenda ilmu, pertanian dan kelestarian kepada masyarakat.

“Media bukan sekadar saluran maklumat tetapi rakan strategik dalam memperluaskan capaian dan impak universiti kepada negara dan dunia,” katanya pada majlis berkenaan kelmarin.

Penghargaan diberikan pihak media yang menyumbang secara signifikan dalam liputan berita berkaitan UPM sepanjang

tahun lalu melalui 11 kategori anugerah.

Pada majlis itu juga, Berita Harian menerima anugerah kategori Liputan Media Tertinggi dan TV3 turut mendapat sijil penghargaan pada majlis berkenaan.

Selain itu, 19 ahli akademik dan seorang pegawai bukan akademik UPM menerima Anugerah Visibiliti Media UPM 2024.

UPM turut menghargai dua kakitangan bukan akademik iaitu Chai Sen Tyng dan Siti Fatimah Abdul Ghani yang banyak menyumbang dalam kepakaran kepada masyarakat melalui media.



**SUFIAN** Thauri (kiri) dan Fahmy bersama anugerah yang diterima pada Majlis Promosi UPM Bersama Media 2025 . - Gambar NSTP/EIZAIRI SHAMSUDIN